

29/10/2001

Bayaran balik PTPTN dilanjutkan dua tahun

Azmi Abdul Malek

IPOH, Ahad - Kerajaan membenarkan peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menangguhkan pembayaran balik pinjaman selama dua tahun selepas tamat pengajian tahun ini berikutan kelembapan ekonomi negara.

Pengerusi PTPTN, Datuk Ahmad Husni Handzlah, berkata keadaan ekonomi sekarang menyebabkan lepasan siswazah sukar mendapat pekerjaan di sektor kerajaan atau swasta.

Beliau berkata, kedudukan mereka yang masih menganggur sudah tentu tidak mampu membayar balik pinjaman dalam tempoh yang ditetapkan.

"Sehubungan itu, kerajaan bersetuju peminjam menangguhkan bayaran sehingga dua tahun.

"Bagaimanapun mereka perlu memulakan pembayaran jika memperoleh pekerjaan lebih awal daripada tempoh berkenaan," katanya kepada Berita Harian selepas merasmikan acara sukaneka Umno Cawangan Rancangan Perkampungan Tersusun Jelapang Baru, di sini hari ini.

Ahmad Husni berkata, lazimnya peminjam dikehendaki membayar balik pinjaman selepas enam bulan tamat pengajian.

Beliau turut memberitahu kerajaan bersetuju meluluskan peruntukan tambahan RM800 juta melalui belanjawan yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Ahmad Husni berkata, kerajaan juga amat prihatin dengan pendidikan rakyat hingga sanggup menyediakan peruntukan belanjawan sebanyak RM22 bilion tahun ini.

(END)